



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang, Malaysia.

No. Tel: +604-8288 880 (Hunting Line) No. Faks: +604-8288862

Laman Web: [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)



No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(36)  
Tarikh : 30 September 2021

## KENYATAAN MEDIA

### PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA DIBUKA SEMULA KEPADA PENGUNJUNG BERKUATKUASA PADA 1 OKTOBER 2021 (JUMAAT)

Selari dengan pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan berdasarkan Pelan Pemulihan Negara, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) akan membuka semula perkhidmatan funikular Bukit Bendera secara beransur-ansur dan PBBPP mengalau-alukan kehadiran pengunjung bermula pada 1 Oktober 2021. Perkhidmatan funikular akan bermula dari pukul 6.30 pagi diikuti pada pukul 7.00 pagi dan seterusnya pada setiap satu jam. Perkhidmatan funikular terakhir adalah pada pukul 8.00 malam. Perkhidmatan funikular akan ditambah mengikut keadaan semasa. Semua pengunjung dinasihatkan untuk mengikuti laman media sosial PBBPP jika terdapat sebarang perubahan jadual perkhidmatan funikular.

Pengunjung yang menggunakan perkhidmatan funikular dari Stesen Bawah ke Stesen Atas dan sebaliknya diminta untuk sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dan PBBPP seperti berikut:

- Individu yang lengkap vaksinasi
- Risiko Rendah Tiada Gejala – Status Risiko COVID-19 Mysejahtera
- Daftar masuk melalui aplikasi Mysejahtera
- Imbas suhu badan
- Sentiasa memakai pelitup muka dengan betul (termasuk di dalam funikular)
- Penjarakkan fizikal
- Kerap sanitasi tangan
- Funikular beroperasi dengan kapasiti 50 peratus (50%)

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung diatas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke [inquiries@penanghill.gov.my](mailto:inquiries@penanghill.gov.my)

#TAMAT#

### Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Izatul Aziah binti Ismail  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
izatul@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
vivienloo@penanghill.gov.my



CEKAP AKAUNTABILITI TELUS  
TO BE THE HILL RESORT OF CHOICE IN MALAYSIA

Malaysia Tourism Quality Assurance

ISO 45001 CERTIFIED  
Cert No : O-127/19

ISO 9001 CERTIFIED  
Cert No : Q-048/19